

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANCELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN WARGA UMP**  
**BERSAMA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**  
**& MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA**  
**ZON TIMUR**  
**PADA HARI SABTU, 28 FEBRUARI 2009 DI DATARAN CANCELERI,**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PUKUL 10.30 PAGI**

---

**SALUTASI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia,  
Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak;

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang,  
Dato' Sri Adnan bin Haji Yaakob;

Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi,  
Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin;

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pahang,  
Dato' Wan Razali bin Wan Mahussin;

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,  
Dato' Muhammad Safian bin Ismail;

Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia  
Pahang,  
Dato' Mohd. Hilmey bin Mohd. Taib;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis Pelancaran  
Karnival Pengajian Tinggi 2009,  
Profesor Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

Naib-naib Canselor;

Ketua-ketua Jabatan;

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang,  
Saudara Mohd. Suffi bin Kamari;

Warga Universiti Malaysia Pahang;  
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

### **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah kurnia, izin dan rahmat-Nya, maka kita semua dapat berkumpul dan berhimpun di kampus Universiti Malaysia Pahang pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang ke kampus Universiti Malaysia Pahang. Bagi pihak warga Universiti Malaysia Pahang, saya mengalu-alukan kedatangan tetamu kehormat kita, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Walaupun mempunyai jadual yang sibuk dan atur cara yang ketat, Yang Amat Berhormat Dato' Sri masih

sudi melapangkan masa untuk bertemu dengan warga Universiti Malaysia Pahang pada hari ini.

3. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada hari ini.

### **PENGHARGAAN KEPADA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

4. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan;  
Universiti Malaysia Pahang amatlah berbesar hati kerana telah dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadi tuan rumah kepada Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur bagi tahun 2009. Amanah yang diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi ini merupakan satu cabaran bagi kami di UMP untuk mempersembahkan sesuatu yang terbaik dan komitmen tersebut telah kami buktikan melalui penganjuran majlis pada hari ini.
5. Sejak tahun 2008 lagi, pihak Universiti Malaysia Pahang telah memulakan usaha untuk menjemput Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri ke kampus UMP bagi menyampaikan amanat kepada warga Universiti ini. Alhamdulillah, ikhtiar kami tersebut terlaksana juga pada hari ini apabila kedua-dua acara ini dapat digabungkan.

### **MENGENANG TUJUH TAHUN PENUBUHAN**

6. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan;  
12 hari yang lepas, iaitu pada tarikh 16 Februari 2009, Universiti Malaysia Pahang telah meraikan ulang tahun penubuhannya yang ketujuh. Sepanjang tujuh tahun penubuhannya, Universiti Malaysia Pahang telah melalui pelbagai liku dan cabaran dalam jejak-jejak perkembangan dan perjalanannya ke arah kecemerlangan.
  
7. Kedatangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ke kampus UMP pada hari ini juga punya kaitan yang amat rapat dengan ulang tahun ketujuh penubuhan Universiti Malaysia Pahang. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib adalah arkitek yang mengasaskan idea untuk menubuhkan sebuah

universiti penuh di Negeri Pahang ketika beliau masih memegang portfolio Menteri Pendidikan. Gagasan tersebut telah menyaksikan pembukaan Universiti Teknologi Malaysia-Kampus Cawangan Pahang di Bandar Indera Mahkota, Kuantan pada tahun 1998 yang akhirnya menjadi asas kepada penubuhan KUKTEM dan kini Universiti Malaysia Pahang.

8. Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam atau IPTA dan Badan Berkanun Persekutuan, Universiti Malaysia Pahang sentiasa menyedari tanggungjawabnya terhadap Kerajaan dan peranan besarnya dalam konteks kemajuan pendidikan dan sosio-ekonomi, khususnya bagi rakyat di Negeri Pahang Darul Makmur ini.

**UNIVERSITI: AGENT OF CHANGE**

9. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan;

Sebagaimana yang pernah dinukilkan oleh John Henry Newman (1852) dalam bukunya, *The Idea of A University*, sesebuah universiti akan terus relevan selagi mana wujudnya komponen ilmu, pengajar dan pelajar. Dalam hubungan ini, Universiti Malaysia Pahang komited untuk terus memaknakan kewujudannya lebih dari sekadar sebuah menara gading, tetapi sebagai institusi di mana segala bentuk ilmu pengetahuan yang sesuai dengan bidang fokus Universiti ini, tenaga pengajar dan pelajar yang berkualiti dihimpunkan untuk menatijahkan hasil yang dapat dimanfaatkan oleh negara dan rakyat.

10. Justeru, Universiti Malaysia Pahang tidak mahu dilihat sebagai sebuah institusi elitis yang berada dalam kepompongnya semata-mata dan bermegah-megah dengan jolokan menara gading. Millennium baharu dan abad kedua puluh satu yang sedang kita lalui hari ini mengemukakan pelbagai isu. Pertumbuhan ekonomi, kelestarian dan kualiti kehidupan adalah unsur-unsur yang bersaling kait secara kompleks dan telah menerima kesan daripada globalisasi. Tanggungjawab dalam mencari jalan penyelesaian, alternatif dan penjelasan

kepada pelbagai permasalahan baharu ini menuntut penglibatan aktif institusi-institusi pengajian tinggi (Wallace, 2003) dan sudah pastinya Universiti Malaysia Pahang mahu berada dalam arus tersebut.

11. Dalam era yang diistilahkan sebagai Globalisasi 3.0 oleh Thomas Friedman (1999) dalam bukunya, *The Lexus and the Olive Tree: Understanding Globalization*, kemajuan dunia pada hari ini amat bergantung kepada manusia yang dapat berfikir global dan berwawasan jauh. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi hasrat Universiti Malaysia Pahang untuk memaknakan kewujudannya sebagai *agent of change* dalam konteks membantu kerajaan mengupayakan minda warga masyarakat, khususnya generasi muda untuk berfikir secara global dan berwatak sebagai pemain global sesuai dengan semangat dan hasrat Wawasan 2020.

### **UNIVERSITI : POOL OF TALENTS**

12. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan;

Bagi merealisasikan tekad dan hasrat sebagaimana yang digariskan tadi, maka bakat dan potensi yang dimiliki oleh warga kerja dan pelajar Universiti ini akan digembleng seoptimum mungkin. Universiti adalah *pool of talents*, takungan di mana tenaga pengajar dan pelajar yang paling baik kualitasnya dikumpulkan. Interaksi yang wujud melalui perkumpulan tersebut akan menzahirkan gagasan idea yang bernas dan diterjemahkan pula kepada rangka tindakan yang terarah. Dalam konteks Universiti Malaysia Pahang, perhatian yang serius diberikan untuk memastikan kreativiti minda terus subur dan segar.

13. Kata akar kepada Universiti itu sendiri iaitu *universe* atau 'sejagat' cukup untuk menggambarkan kesejagatan peranan sesebuah universiti sebagai *studium generale* atau sekolah pengajian sejagat. Visi Universiti Malaysia Pahang iaitu "untuk menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia" cukup untuk menggambarkan istilah tersebut. Namun, cabaran sebenar adalah bagaimana untuk memaknakan istilah tersebut. Kami di Universiti Malaysia



Pahang berkeyakinan bahawa jawapannya terletak pada kilauan cemerlang bakat dan potensi warga kerja dan pelajar Universiti ini. Kepelbagaian latar belakang pendidikan, kelulusan ikhtisas, pengkhususan dan kepakaran yang ada pada *pool of talents* ini tidak akan disia-siakan. Sebaliknya, ia dimanfaatkan sepenuhnya melalui inisiatif penyelidikan saintifik dan sosio-ekonomi, pembangunan produk, pembelajaran sepanjang hayat dan khidmat komuniti.

## **KONTEKS KEWUJUDAN DAN PERANAN UMP DALAM PEMBANGUNAN**

14. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan;  
Apabila sebentar tadi saya menyebut tentang peranan sesebuah universiti sebagai *agent of change*, maka ini turut berkait rapat dengan peranan UMP dalam konteks pembangunan di kawasan-kawasan di mana terletaknya kampus Universiti ini. Sebagaimana pesatnya pembangunan Bangi sebagai sebuah bandar baharu kerana adanya Universiti Kebangsaan Malaysia di situ, maka itulah yang diimpikan dan dihasratkan oleh kami di Universiti Malaysia Pahang.

15. Beroperasinya Universiti Malaysia Pahang di kampus sedia ada di Gambang dan kampus tetap di Mukim Kuala Pahang, Pekan kelak menyuntik kesedaran dan semangat tinggi kami untuk menjadi salah satu katalis pembangunan di kawasan-kawasan tersebut. Kedudukan kampus Universiti Malaysia Pahang dalam Blok Pembangunan Jaya Gading-Gambang, Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2004-2015 adalah amat strategik dan relevan. Sesuai dengan bidang fokus UMP ditambah pula dengan keupayaan penyelidikan, pakar dan kemudahannya, Universiti Malaysia Pahang mampu berperanan sebagai rakan runding dan kongsi serta mampu menimbal balik atau *compliment* kepada projek-projek berasaskan sains dan teknologi yang sedang dibangunkan di Blok Pembangunan Jaya Gading-Gambang seperti Pusat Hal Hub, Pusat ICT dan Pusat Bioteknologi Negeri Pahang.
  
16. Pembangunan kampus Universiti Malaysia Pahang di Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan turut melatari cadangan pembangunan pelancongan dalam Blok Pembangunan Dua,

Mukim Kuala Pahang, Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2002-2015. Sesuai dengan cadangan naik taraf tempat-tempat pelancongan yang menganjur dari Pantai Tanjung Gosong hingga Pantai Lagenda, kampus Universiti Malaysia Pahang yang turut berada dalam jajaran tersebut akan ditata rupakan sebagai *resort campus* yang kondusif, ceria dan lestari.

17. Suasana atau *ambiance* seperti ini tentu sekali menyemarakkan idea dan kreativiti serta memotivasikan. Insya-Allah, dengan lokasinya di kawasan yang indah dan amat mendamaikan, pelajar-pelajar yang bakal ditempatkan di kampus UMP Pekan akan mendapat *campus experience* yang amat bermakna dan berkualiti. Masyarakat sekitar juga akan memperoleh manfaat melalui pelbagai projek khidmat komuniti yang akan dijalankan.
  
18. Justeru, untuk memaknakan kewujudan dan peranan Universiti ini dalam konteks pembangunan, khususnya di kawasan Gambang dan Kuala Pahang, Universiti Malaysia Pahang mengharapkan sokongan dan dukungan berterusan Kerajaan

Persekutuan serta keharmonian kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pahang.

## **KATA PENUTUP**

19. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan;

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk hadir ke majlis pada hari ini. Tidak ketinggalan, setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, para dif dan hadirin serta agensi kerajaan dan swasta yang telah memberikan sokongan dan kerjasama bagi menjayakan acara pada hari ini.

Sekian,

*Wabillahi taufiq wal hidayah,*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*